

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 1 (A180)**

Sukarelawan Darul Ta'zim cukup sinonim dengan belia-belia di Negeri Johor sepanjang 5 tahun yang lalu. Adakah kerajaan Pakatan Harapan mempunyai perancangan jangka masa panjang untuk meneruskan aktiviti kesukarelaan di kalangan anak-anak muda di negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Melihat kepentingan peranan Sukarelawan Darul Ta'zim sebagai platform kesukarelaan di Negeri Johor dan kebolehpayaan membangunkan nilai murni belia dengan konsep kesukarelaan sebagai budaya ; Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini akan terus berusaha untuk membantu mewujudkan kesedaran dikalangan belia.

Program – program kesukarelaan yang melibatkan pembangunan nilai murni belia dan memberi manfaat kepada masyarakat akan di teruskan dengan penambahbaikan agar ianya lebih memberi kesan kepada belia hingga ke peringkat akar umbi dengan penglibatan pelbagai lapisan bagi golongan belia kearah melestarikan budaya dan gaya hidup bersatu padu dan saling melengkapi diantara satu sama lain serta prihatin dengan masyarakat sekeliling.

Peruntukan untuk memperkasa belia melalui kesukarelaan perlu di tambah dan aktiviti di bawahnya akan diperkasakan dengan konsep Kesukarelaan Sebagai Budaya di Negeri Johor.

Sukarelawan juga akan dinaiktaraf peranannya serta akan menjadi salah satu elemen penting dalam pembangunan HUB Belia yang akan di bangunkan pada masa akan datang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB TUAN IR. HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 2 (A117)**

Aktiviti pukat tunda telah menjejaskan teruk pendapatan nelayan tradisional. Aduan mereka tidak diendahkan. Penguatkuasaan pukat tunda sepatutnya diperketatkan oleh APMM di Selat Melaka. Perincian jumlah lesen pusat tunda diperairan Pontian hingga Muar. Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Pukat Tunda adalah peralatan yang tidak mesra alam kerana telah merosakkan sumber perikanan, terutamanya anak-anak ikan. Kawasan tangkapan pukat tunda di perairan barat Johor amat sempit dan bersempadanan dengan negara jiran Indonesia. Pengusaha pukat tunda sering mencero boh kawasan tangkapan nelayan tradisional untuk mendapatkan hasil yang lumayan dengan mencero boh kawasan kurang 5 batu nautika dari pantai.

Jumlah lesen pukat tunda di perairan pantai barat Johor adalah seperti berikut:

Daerah	Jumlah Lesen
Pontian	87
Batu Pahat	49
Muar	0

Rentetan permasalahan pukat tunda yang dihadapi di seluruh negara Malaysia, Jabatan telah mengeluarkan pekeliling dasar perikanan iaitu pada 28 Disember 2015 – Pekeliling Pelesenan Bil.4/2015 (Pelaksanaan Dasar Penghapusan Pukat Tunda yang beroperasi di Zon B bermula 1 Januari 2016 secara berperingkat melalui kaedah kawalan).

Kaedah kawalan yang dimaksudkan adalah:

- a. Bagi kesalahan menunda dibawah 5 batu nautika, lesen akan digantung selama 1 tahun (12 bulan)
- b. Permohonan ganti kulit adalah digalakkan untuk menukar zon B kepada zon C dimana kawasan operasi tangkapan di pantai timur dan lebih 12 batu nautika.
- c. Sebarang pindah milik lesen dan vesel adalah dilarang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

YB DATO' ZAHARI BIN SARIP (BULUH KASAP)
SOALAN 3 (A152)

Minta dinyatakan apakah sasaran dan harapan kerajaan terhadap kemajuan serta pembangunan koperasi di negeri Johor dalam tempoh jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Bagi sasaran dan harapan kerajaan terhadap kemajuan serta pembangunan koperasi di negeri Johor untuk tempoh **jangka pendek**, Kerajaan Negeri Johor melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) Cawangan Negeri Johor telah merangka dan sedang melaksanakan program-program berikut:-

1. Pembangunan Perniagaan

Di bawah pembangunan perniagaan, program yang telah dan sedang dilaksanakan adalah;

- i. Program *Mentoring and Coaching*;
- ii. Program Myfarm Outlet;
- iii. Program Kedai Harga Patut; dan
- iv. Program Desa Lestari

i. Program *Mentoring and Coaching*

Di bawah program ini, koperasi yang mempunyai keupayaan dari segi pengurusan organisasi yang baik, modal dalaman yang stabil dan mempunyai kepakaran serta pengalaman yang berkaitan telah dipilih sebagai *mentor*. Koperasi-koperasi lain yang mempunyai kesungguhan untuk menjalankan aktiviti berkenaan dipilih sebagai *mantee*. *Mentor* akan berkongsi kepakaran dalam aktiviti tersebut bersama koperasi *mantee*.

Di Negeri Johor, *Program Mentoring and Coaching* yang sedang dilaksanakan adalah *Program Mentoring and Coaching* Ternakan Lembu Tenusu dengan Koperasi Pekebun Kecil Wilayah Johor Selatan Berhad (KOPRIS) sebagai *mentor* melibatkan 10 buah koperasi *mantee*, dan *Program Mentoring and Coaching* Perkhidmatan Teksi dengan Koperasi Pemandu-Pemandu Teksi Bandaraya Johor Bahru Berhad sebagai *mentor* yang melibatkan lima (5) buah koperasi *mantee*.

ii. Program *MyFarm Outlet*

Program *MyFarm Outlet* telah direka bermatlamatkan untuk meringankan beban rakyat khususnya yang menetap di kawasan bandar dan pinggir bandar. Koperasi yang terlibat dalam program ini menawarkan barangan komoditi keperluan harian seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ikan, daging serta barangan runcit dengan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

harga yang berpatutan. Sejumlah **15 outlet** telah diwujudkan dimana **7 outlet di bawah Koperasi Iskandar Malaysia Berhad dan 8 outlet dijalankan oleh koperasi yang lain.**

iii. Program Kedai Harga Patut (KHP)

Di bawah Program Kedai Harga Patut, koperasi yang dikenalpasti akan dibantu dalam menawarkan barangan keperluan harian kepada anggota dan masyarakat setempat pada harga yang berpatutan. Tujuan program ini diperkenal dan dilaksanakan adalah untuk menyedia dan meningkatkan *accessibility* dan ketersediaan barangan kepada pengguna dengan harga yang berpatutan, menyediakan lebih banyak pilihan barangan kepada pengguna (barangan pengganti), dan membantu rakyat dalam menangani isu peningkatan kos sara hidup. Sejumlah **19 outlet** KHP telah diwujudkan di mana **7 outlet di bawah Koperasi Iskandar Malaysia Berhad dan 12 outlet dijalankan oleh koperasi yang lain.**

iv. Program Desa Lestari

Di Negeri Johor, dua (2) Program Desa Lestari telah diperkenalkan, iaitu Program Desa Lestari di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), dan Program Desa Lestari di bawah Kerajaan Negeri Johor.

a. Program Desa Lestari di bawah KKLW

Program Desa Lestari di bawah KKLW bermatlamat untuk meningkatkan pengupayaan komuniti koperasi dalam menjayakan pelaksanaan projek pembangunan kampung, memperkasa aktiviti ekonomi dan keusahawanan penduduk kampung melalui koperasi dengan membuka peluang pekerjaan baru, serta menyediakan peluang peningkatan pendapatan penduduk setempat. Sepuluh (10) buah koperasi di negeri Johor telah dipilih untuk melaksanakan program ini.

b. Program Desa Lestari di bawah Kerajaan Negeri Johor

Program Desa Lestari di bawah Kerajaan Negeri Johor bermatlamat untuk:-

- i. Meningkatkan sosio-ekonomi penduduk secara inklusif melalui aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh koperasi kampung;
- ii. Meningkatkan pengupayaan komuniti dalam merancang dan menjayakan pelaksanaan pembangunan di kampung;
- iii. Mengembangkan potensi ekonomi kampung untuk diusahakan secara bersama berlandaskan konsep muafakat; dan
- iv. Membantu meringankan beban peningkatan kos sara hidup penduduk melalui penciptaan peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan penduduk.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

Sepuluh (10) buah koperasi telah dipilih untuk menyertai Program Desa Lestari di bawah Kerajaan Negeri Johor. Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan geran sebanyak RM2 juta untuk menjayakan program ini.

2. Program Pembudayaan Koperasi (Program Promosi)

Di bawah program ini Kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Johor, telah mengatur pelbagai program berbentuk bengkel, kursus dan seminar untuk menarik minat dan kefahaman masyarakat dalam Negeri Johor berkaitan manfaat dalam berkoperasi, selain kefahaman berkaitan peranan koperasi yang boleh digunakan dalam semua sektor sosio-ekonomi sebagai instrument pembangunan masyarakat.

3. Bantuan Pembangunan

Bantuan Pembangunan ini disediakan adalah untuk membantu koperasi mengembang dan memantapkan perniagaannya dalam bidang ekonomi yang berdaya maju. Geran Bantuan yang diberi adalah untuk menampung sebahagian kos projek yang dengan amaun geran maksimum sebanyak RM300,000.00 bagi sesebuah koperasi. Prestasi pemberian Geran Pembangunan kepada koperasi di Negeri Johor dijelaskan seperti berikut:-

Tahun	Bilangan Koperasi Penerima	Jumlah (RM)
2015	17	500,000.00
2016	9	460,000.00
2017	17	960,000.00
JUMLAH	43	1,920,000.00

4. Pembiayaan Tabung Modal Pusingan

Tabung Modal Pusingan merupakan suatu sumber pembiayaan berbentuk pinjaman yang disediakan kepada koperasi untuk mengembangkan perniagaan dalam pelbagai sektor ekonomi yang berdaya maju. Amaun maksimum pembiayaan adalah sebanyak RM10 juta, dengan tempoh maksima bayaran balik selama 20 tahun, dengan kadar keuntungan dikenakan di antara satu (1) peratus hingga enam (6) peratus atas baki bulanan berkurangan. Prestasi pemberian pembiayaan Tabung Modal Pusingan kepada koperasi di Negeri Johor dijelaskan seperti berikut:-

Tahun	Bilangan Koperasi Penerima	Jumlah (RM)
2015	25	15,341,476.00
2016	33	74,390,334.80
2017	13	1,647,000.00
JUMLAH	71	91,378,810.80

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

Koperasi yang layak memohon adalah koperasi yang telah ada akaun beraudit, mesyuarat agung tahunan dan cagaran koperasi.

Bagi sasaran dan harapan kerajaan terhadap kemajuan serta pembangunan koperasi di negeri Johor dalam tempoh **jangka panjang**, Kerajaan Negeri Johor melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Johor telah dan sedang melaksanakan inisiatif-inisiatif strategik dibawah pelan berikut:-

1. Pelan Hala Tuju Pembangunan Koperasi Mengikut Sektor

Pelan ini merupakan suatu kerangka hala tuju yang dilaksanakan di seluruh Malaysia melalui perancangan di peringkat Suruhanjaya Koperasi Malaysia Ibu Pejabat Kuala Lumpur dan pelaksanaan di peringkat Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri. Pelan hala tuju tersebut meliputi enam (6) sektor utama dalam gerakan koperasi, iaitu sektor perkhidmatan kewangan, sektor pemborongan dan peruncitan, sektor hartanah dan industri pembinaan, sektor pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan, sektor pertanian dan industri asas tani, dan sektor perladangan

Pelan hala tuju ini, menjelaskan inisiatif-inisiatif strategik yang ditetapkan, pelan tindakan bagi mencapai hasrat inisiatif strategik tersebut serta sasaran-sasaran yang perlu dicapai dalam setiap tahun. Pelan hala tuju ini disediakan sebagai panduan kepada setiap koperasi dalam membangun dan menjalankan aktiviti perniagaan masing-masing.

2. Pelan Strategik Pembangunan Koperasi Negeri Johor Tahun 2017-2021

Pelan Strategik Pembangunan Koperasi Negeri Johor Tahun 2017-2021 memberi penekanan untuk memperkasakan gerakan koperasi melalui pelbagai program yang diuraikan di atas yang mensasarkan peningkatan perolehan kepada RM1.33 billion menjelang tahun 2021, berbanding pencapaian semasa sebanyak RM887.36 juta sahaja.

Pihak Kerajaan Negeri Johor mengharapkan keyakinan masyarakat ke atas peranan Gerakan Koperasi sebagai penggerak ekonomi secara inklusif dapat ditingkatkan. Peningkatan ini dapat diterjemahkan dengan sasaran peningkatan dalam bilangan koperasi, keanggotaan koperasi, dan modal serta yuran anggota koperasi. Pertambahan tersebut dijelaskan seperti berikut:-

Petunjuk Utama	Tahun 2017	Tahun 2021	Peningkatan Tahunan
Bilangan Koperasi	1,370	2,040	9.03%
Bilangan Anggota	465,519 orang	518,056 orang	1.86%
Modal syer & yuran	RM305.07 juta	358.02 juta	4.65%

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB DATUK HAJAH SH. AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 4 (A31)**

Dalam Manifesto Pakatan Harapan Negeri Johor, antara yang dijanjikan adalah pengecualian bayaran lesen penjaja oleh semua PBT, mohon dapatkan statistik bilangan ibu tunggal yang mendapat lesen penjaja bagi menyara ekonomi keluarga mereka.

**YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 5 (A176)**

Apakah kemudahan-kemudahan yang telah diperincikan oleh kerajaan PH Johor untuk pemberian lesen bagi peniaga dan penjaja kecil yang menjadi antara pengundi dan penyokong utama kerajaan PH?

**JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN
(Jawapan bersekali untuk soalan A31 & A176)**

Langkah mengecualikan bayaran fi lesen penjaja di seluruh kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor merupakan antara tawaran 10 Janji 100 Hari terkandung dalam Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Johor. Objektif tawaran mesra rakyat yang dikemukakan ini amat jelas iaitu membantu golongan peniaga kecil dalam merencanakan perniagaan mereka sekaligus memberi nilai tambah kepada kebajikan dan kelangsungan hidup mereka dalam keadaan ekonomi tidak menentu pada masa kini.

Kerajaan Negeri tidak semberono dalam merealisasikan tawaran ini sebaliknya dengan penuh komited telah terlebih dahulu memperhalusi dan membincangkan dengan cermat di pelbagai peringkat melibatkan Kerajaan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Pihak Berkuasa Tempatan dan Wakil Persatuan Penjaja.

Susulan daripada siri perbincangan tersebut, Kerajaan Negeri secara prinsip telah bersetuju pada Majlis Mesyuarat Kerajaan bertarikh 25 Julai 2018 untuk melaksanakan tawaran pengecualian tersebut. Lanjutan daripada keputusan tersebut, YAB Menteri Besar telah mengumumkan inisiatif Pengecualian Bayaran Lesen Penjaja di seluruh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor yang bakal dikuatkuasakan pada 1 September 2018 ini pada Sabtu lalu, 11 Ogos bertempat di Jalan Segget, Johor Bahru.

Sebagai pencerahan, inisiatif pengecualian yang ditawarkan tersebut hanya merujuk kepada bayaran lesen sahaja manakala syarat-syarat lesen yang ditetapkan oleh pihak PBT tetap wajib dipatuhi oleh penjaja. Syarat-syarat yang wajib dipenuhi oleh pemohon dan pemilik lesen penjaja adalah seperti berikut:

1. Pemohon mestilah warganegara Malaysia
2. Pemohon dikehendaki hadir sendiri untuk membuat permohonan ke PBT.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

3. Mestilah mempunyai lesen yang sah yang dikeluarkan oleh PBT dan hendaklah dipamerkan ditempat mudah dilihat, sepanjang waktu perniagaan.
4. Pemohon perlu mematuhi lokasi perniagaan yang dibenarkan oleh PBT.
5. Bagi pemohon untuk penjaja makanan / minuman perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan mengambil suntikan typhoid serta menjalani kursus pengendalian makanan yang dianjurkan oleh mana-mana pihak yang bertauliah.

Justeru itu, pihak PBT dikehendaki secara proaktif melakukan pemantauan secara berterusan terhadap penjaja yang berniaga di kawasan mereka. Tindakan penguatkuasaan tegas hendaklah diambil sekiranya terdapat warganegara asing yang menjalankan aktiviti menjaja.

Kerajaan Negeri juga ingin menjelaskan bahawa tiada syarat khusus ditetapkan dalam konteks tertentu sebaliknya permohonan diluluskan berdasarkan segala tetapan syarat oleh PBT yang dipenuhi oleh pemohon. Peluang menjalankan aktiviti menjaja adalah milik semua dan pengecualian bayaran lesen tersebut pula sebagai bantuan dan sokongan Kerajaan Negeri kepada mereka.

Meskipun tiada pengkalan data khusus tentang penglibatan ibu tunggal dalam aktiviti ekonomi sebagai penjaja, namun terdapat juga PBT yang mencatatkan angka penglibatan ibu tunggal berdasarkan permohonan dan pemilikan lesen dengan jumlah seramai 90 orang memiliki lesen penjaja mengikut pecahan seperti berikut:

- Majlis Daerah Pontian (MDP) - 1 orang;
- Majlis Daerah Labis (MDL) - 8 orang;
- Majlis Perbandaran Kluang (MPK) - 27 orang;
- Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) - 11 orang;
- Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MMPG) - 40 orang;
- Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) - 3 orang.

Dengan hasrat membantu para penjaja, pemberian pengecualian bayaran lesen penjaja ini akan melibatkan semua jenis lesen penjaja yang menjalankan aktiviti perniagaan di pasar malam, pasar sehari atau pasar pagi, penjaja bergerak dan penjaja statik termasuk para peniaga di Bazar Karat yang secara keseluruhan dianggarkan berjumlah 22,000 penjaja.

Turut tidak ketinggalan penjaja kendera saji (*food truck*) yang kini sedang berkembang di negeri Johor dengan kebanyakannya diusahakan oleh golongan belia.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga mengambil kesempatan ini untuk memperjelas bahawa manfaat pengecualian ini sekali lagi tiada sebarang syarat khusus berdasarkan pegangan, ketetapan atau kecenderungan politik pemohon.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

Namun begitu, perlu difahami bahawa terdapat kategori penjaja yang TIDAK dikecualikan bayaran lesen seperti penjaja bergerak di premis berlesen, pasar awam, pasar persendirian dan pasar borong. Sebagai pencerahan, berikut adalah jenis penjaja yang tidak mendapat pengecualian bayaran lesen penjaja:

JENIS-JENIS PENJAJA YANG TIDAK DIKECUALIKAN BAYARAN	JUSTIFIKASI
A. PENJAJA STATIK	
<ul style="list-style-type: none"> ● Kiosk di premis berlesen (restoran, medan selera, pasaraya) ● Gerai / premis Kerajaan / premis PBT. <i>**sebahagian PBT menggunakan UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian kecuali MBBJ menggunakan UUK Penjaja.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ● Mempunyai kemampuan kewangan. ● Penjaja kategori ini tidak terjejas dari segi pendapatan akibat faktor cuaca contohnya hujan / ribut.
<ul style="list-style-type: none"> ● Pasar Awam ● Pasar Persendirian 	<ul style="list-style-type: none"> ● Penjaja kategori ini tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Pasar Awam dan Pasar Persendirian PBT / UUK Pasar
<ul style="list-style-type: none"> ● Pasar Borong 	<ul style="list-style-type: none"> ● Perniagaan berskala besar. ● Keuntungan besar
B. PENJAJA SEMENTARA	
<ul style="list-style-type: none"> ● Bazar / Bazar Perayaan ● Penjaja buah-buahan bermusim. ● Penjaja makanan bermusim contoh lemang, kuih bulan, daging salai dan sebagainya. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Perniagaan dalam tempoh singkat / bermusim ● Melibatkan masalah kebersihan. ● Permintaan lesen yang tinggi melebihi jumlah tapak yang ditawarkan.
Lain-lain perniagaan / penjaja yang tidak disenaraikan	<ul style="list-style-type: none"> ● Tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Penuh PBT.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 6 (A140)**

Kerja-kerja jalan yang diberikan kepada konsesi dikatakan menjadi punca kos meningkat. Monopoli ini menyebabkan ramai kontraktor bumiputera gagal. Apakah monopoli melalui konsesi seperti ini akan diteruskan atau ada perancangan kerajaan negeri untuk mengatasi isu ini?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Kerajaan Negeri akan menyemak dan mengkaji semula kaedah pelaksanaan kerja penyelenggaraan jalan di negeri Johor.

Sehubungan itu, setiap pilihan akan dilihat dari segi impaknya terhadap agensi-agensi kerajaan dan sector pembinaan tempatan. Selain itu, aspek perundangan dan kos terhadap Kerajaan Negeri juga akan diselidik dengan teliti supaya tidak menyebabkan implikasi yang merugikan kerajaan dan rakyat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 7 (A39)

Minta dinyatakan apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam membantu peneroka FELDA yang terkesan akibat daripada kejatuhan harga minyak sawit?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Pihak FELDA boleh mencadangkan agar hutang peneroka ditangguhkan buat sementara waktu. Ini bagi membantu pendapatan bersih peneroka tidak ditolak hutang semasa seperti hutang pinjaman pembesaran rumah, bayaran kembali alih ladang, dan hutang baja semasa. Pendapatan bersih peneroka juga akan dipastikan agar tidak kurang dari RM 1000.00 sebulan. Harga minyak sawit adalah berdasarkan kepada harga semasa, namun di peringkat kilang, harga buah sawit bergantung kepada Kadar Perahan Di Gred (KPG) di kilang. Oleh itu, kawalan KPG boleh dipantau di peringkat ladang di mana buah-buah dihantar perlu memastikan menepati kualiti supaya mendapat kadar perahan di gred yang tinggi bagi mendapatkan harga yang tinggi untuk pendapatan yang lebih baik. Penggunaan buruh di rancangan juga akan dimaksimumkan bagi membolehkan hasil dikeluarkan sepenuhnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 8 (A24)

Berapakah bilangan pelajar yang tercicir di negeri Johor dan langkah mengatasinya.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Murid cicir bermaksud murid yang tidak mengikuti pendidikan wajib di sekolah, murid yang mendaftar tetapi tidak meneruskan persekolahan dalam sistem pendidikan formal atau murid yang dianggap keluar dari sistem persekolahan sebelum ia tamat atau menghabiskan tempoh persekolahannya.

Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini, jumlah murid cicir di Negeri Johor seramai 5001 orang pelajar (0.87%) daripada jumlah keseluruhan 574 870 murid. Antara puncanya ialah :

- i. Masalah keluarga/ penceraian
- ii. Faktor kewangan/ bekerja
- iii. Kes disiplin dan ponteng sekolah
- iv. Berada di luar sistem pendidikan kebangsaan

Bagi mengatasi masalah ini, Jawatankuasa Penyiasatan Murid Cicir (JPMC) telah ditubuhkan bagi menyediakan data risiko murid cicir/ murid berisiko cicir. Antara langkah mengatasi murid cicir adalah :

- i. Berkolaboratif JPNJ/PPD/PIBG/PIBK/GO/NGO/PDRM/Pemimpin Masyarakat.
- ii. Mengenalpasti keluarga yang bermasalah untuk dirujuk kepada pihak-pihak berkaitan supaya boleh dibantu.
- iii. Mengadakan kursus motivasi murid di sekolah – sekolah.
- iv. Motivasi Pendidikan Alternatif dan Kerjaya Murid

Murid-murid didedahkan dengan peluang pendidikan yang lain seperti latihan berbentuk kemahiran agar mereka mempunyai kerjaya di masa hadapan yang diselaraskan di Pusat Inovasi Pendidikan dan Kerjaya di JPNJ. Antara aktiviti di pusat ini ialah *carrer talk*, *success story* dan *explorasi kerjaya*.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD. NOR (KEMELAH)
SOALAN 9 (A50)

Di maklum bahawa terdapat kaunter khas KPDNK telah di tutup. Apakah langkah-langkah memastikan aduan berkaitan harga barang makanan asas termasuk harga ayam dan daging sampai kepada pihak berwajib?

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH

Kaunter Khidmat Pengguna (K2P) diwujudkan bertujuan untuk memudahkan pengguna menyemak timbangan barang yang dibeli serta membuat aduan sekiranya berlaku aktiviti perniagaan yang menyalahi undang-undang di bawah seliaan KPDNHEP. Kaunter khas ini terdapat di setiap daerah dan di beberapa tempat di dalam pasar awam Negeri Johor. Di Segamat, kaunter ini ditempatkan di Pasar Awam Segamat. Namun begitu, mengikut statistik pelaporan KPDNHEP Cawangan Segamat dan daerah-daerah lain, tiada sebarang aduan diterima di lokasi Kaunter Khidmat Pengguna (K2P) sepanjang tempoh kewujudan kaunter tersebut. Beberapa faktor dikenalpasti menyebabkan kaunter tersebut tidak mendapat sambutan kerana terdapatnya pelbagai medium saluran aduan yang lebih mudah dibuat dan diadakan.

Oleh yang demikian, pihak KPDNHEP Segamat telah mengambil tindakan proaktif bagi mengatasi permasalahan tersebut dengan melakukan pemeriksaan secara berkala yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa selain pemantauan harga barangan oleh Pegawai Pemantau Harga secara harian di Pasar Awam Segamat dalam memastikan **keberadaan pegawai-pegawai tersebut**. Ianya bagi membantu pengguna menyemak harga barangan mengikut lokasi selain mudah membuat perbandingan harga, pihak KPDNHEP telah menyediakan satu platform semakan harga yang dikenali sebagai **“price catcher” yang boleh dimuat turun melalui aplikasi “play store”**. Aplikasi ini sedikit sebanyak membantu pengguna menjadi Pengguna Bijak dalam memastikan harga sesuatu barangan.

Dalam memastikan aduan pengguna sampai kepada pihak KPDNHEP, aplikasi **ez-adu** telah disediakan dan juga boleh dimuat turun melalui aplikasi “play store” bagi memudahkan penguasaan membuat aduan. Pengguna juga boleh membuat aduan melalui laman sesawang <https://eaduan.kpdnkk.gov.my> atau melalui talian hotline 1-800-886-800 manakala khusus di pejabat Segamat 07-9433810 serta boleh hadir di pejabat KPDNHEP yang berhampiran.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB PUAN NORHAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 10 (A159)**

Sila nyatakan sama ada kerajaan bercadang membina sistem data maklumat wanita yang memerlukan bimbingan kaunseling di negeri ini serta pemerkasaan khidmat kaunseling untuk menggalakkan lebih ramai wanita mendapatkan khidmat kaunseling.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Objektif penubuhan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) adalah mengukuhkan institusi keluarga, membawa wanita dalam arus pembangunan, dan menangani masalah sosial. Pelbagai program dan khidmat bantu telah dilaksanakan khusus bagi mencapai objektif tersebut. Salah satu perkhidmatan yang ditawarkan di Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim adalah perkhidmatan kaunseling yang dikendalikan oleh Unit Kaunseling & Motivasi. Perkhidmatan yang diberi termasuklah kaunseling individu, kaunseling berkelompok, kaunseling keluarga, kaunseling perkahwinan, kaunseling remaja/belia, kaunseling kanak-kanak dan Parol (kerjasama dengan Jabatan Penjara).

Khidmat kaunseling yang ditawarkan oleh YPKDT telah mula dikenali oleh masyarakat dan ini terbukti berdasarkan data yang diperolehi daripada kes kaunseling yang diterima sebagaimana jadual di bawah :

BIL.	TAHUN	JUMLAH KES DIRUJUK
1.	2004	107
2.	2005	78
3.	2006	97
4.	2007	208
5.	2008	214
6.	2009	140
7.	2010	124
8.	2011	64
9.	2012	40
10.	2013	65
11.	2014	50
12.	2015	104
13.	2016	88
14.	2017	60
15.	2018 (sehingga Jun)	80
JUMLAH KEELURUHAN		1,519

Berdasarkan statistik yang telah direkodkan bagi daerah Johor Bahru sahaja sebanyak **180 kes telah diterima dari tahun 2010 hingga Jun 2018** membabitkan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

160 klien wanita dan kes yang dirujuk adalah melibatkan kes kahwin dan kes keluarga. Berdasarkan statistik ini menunjukkan wanita telah mula menyedari akan kepentingan mendapatkan khidmat kaunseling bagi kesejahteraan hidup mereka.

Justeru, YPKDT telah mengambil inisiatif membangunkan **Sistem e-kaunseling** bagi manfaat pelbagai lapisan masyarakat dan pembangunan sistem ini bermula pada tahun 2016. Sistem ini dijangka akan boleh diakses oleh masyarakat dalam mendapatkan khidmat kaunseling dengan lebih cepat dan berkesan. Walaubagaimanapun sistem ini masih dalam peringkat akhir pengemaskinian sebelum boleh digunakan sepenuhnya.

Pelancaran e-kaunseling ini dijangka akan dilaksanakan pada bulan September 2018 setelah pembangunan selesai sepenuhnya. Perkhidmatan ini akan terus dipanjangkan ke seluruh masyarakat di Negeri Johor khususnya dan Malaysia umumnya agar masalah sosial dapat dibendung seterusnya mewujudkan perhubungan sihat dengan keluarga dan masyarakat sekeliling.

YPKDT mempunyai seramai lima (5) orang Kaunselor Berdaftar dan adalah menjadi keutamaan YPKDT agar dapat memberikan perkhidmatan kaunseling kepada seluruh lapisan masyarakat. Pelbagai program dan promosi telah dilakukan bagi memperkenalkan perkhidmatan kaunseling dan kesedaran tentang peri pentingnya perkhidmatan ini. Masyarakat tidak perlu berasa malu untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling kerana banyak isu atau kes jenayah yang telah terjadi disebabkan tekanan hidup, permasalahan dari pelbagai sudut, tiada pertimbangan diri dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu adalah menjadi tanggungjawab kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan ini kepada seluruh lapisan masyarakat bagi membantu dan meningkatkan kesejahteraan hidup.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 11 (A168)**

Adakah kerajaan negeri Johor bersedia untuk menyemak semula kadar tarif air di negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Satu perjanjian berhubung Cadangan Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air di Negeri Johor telah ditandatangani pada 11 Mac 2009 antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Johor, Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. (SAJSB), SAJ Holdings Sdn. Bhd. (kini dikenali sebagai SAJ Ranhill Sdn. Bhd.), Ranhill Utilities Berhad (RUB) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), bertujuan untuk menjamin perkhidmatan bekalan air yang lebih mapan dan efisien di masa akan datang. Tempoh konsesi adalah selama 30 tahun.

Penstrukturan semula bekalan air ini melibatkan cadangan migrasi SAJH ke regim kawal selia bekalan air di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), mengikut sebagaimana Akta Industri Perkhidmatan Air Negara (Akta 655).

Mulai tahun 2006, industri bekalan air termasuk pelesenan, pengawasan operator-operator bekalan air dan tarif air adalah di bawah kawalan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), sebagaimana termaktub dalam Akta Industri Perkhidmatan Air Negara, dan bukan lagi di bawah kawalan Kerajaan Negeri.

Di bawah WSIA, setiap operator air perlu membuat Pelan Bisnes bagi tempoh setiap 3 tahun untuk diluluskan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Pada masa ini, pelan bisnes SAJR telah diluluskan oleh pihak SPAN bagi tempoh operasi tahun 2018 – tahun 2020 (OP3). Pelan Bisnes ini tidak dibentangkan di peringkat kerajaan negeri kerana pihak SAJR menghantar terus kepada SPAN untuk kelulusan.

Kadar tarif air Negeri Johor ditentukan melalui Pelan Bisnes dan perlu diluluskan oleh pihak SPAN.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 12 (A40)**

Minta dinyatakan apakah Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha murni membawa jaringan internet ke kawasan FELDA di bawah program FELDA 2.0 sebelum ini?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Felda tiada perancangan untuk meningkatkan jaringan internet di kawasan berkenaan kerana ianya di luar bidang kuasa FELDA. Namun begitu, usaha-usaha tersebut perlu diteruskan dengan kerjasama sepenuhnya dari Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Kerajaan Negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 13 (A75)

Minta dinyatakan status terkini penyerahan pentadbiran kawasan KEJORA khususnya di Bandar Tenggara dan Petri Jaya kepada pihak-pihak seperti Majlis Daerah Kota Tinggi, IWK dan lain-lain.

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, penubuhan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang oleh Kerajaan Negeri turut melibatkan penyusunan dan persempadanan semula kawasan pentadbiran antara PBT di dalam daerah Kota Tinggi. Persempadanan semula ini melibatkan keseluruhan kawasan Lembaga Bandaran Johor Tenggara (LBJT) yang telah ditamatkan tempoh kuasa mentadbir sehingga 31 Disember 2016 diletakkan di bawah pentadbiran PBT baru berikut :

- i. Kawasan Perani, Bandar Petri Jaya dan Bandar Tenggara diserahkan kepada Majlis Daerah Kota Tinggi.
- ii. Kawasan Bandar Mas dan Penawar diletakkan di bawah pentadbiran PBT Pengerang; dan
- iii. Bandar T6, Taman Sri Lambak di bawah pentadbiran Majlis Daerah Simpang Renggam.

Urusan penyerahan kawasan bagi PBT yang terlibat telah pun selesai dan dimuktamadkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor sebagaimana pelan warta no. PW50055 bagi Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) dan PW50057 bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pengerang dan PW50056 bagi Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR).

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, persempadanan semula kawasan kedua-dua PBT ini juga turut melibatkan penyerahan aset alih dan aset tak alih dan perjawatan daripada pihak KEJORA kepada Majlis Daerah Kota Tinggi seperti berikut.

- i. Pihak KEJORA membuat penyerahan Aset Tak Alih kepada MDKT mengikut kawasan yang telah dirizabkan sebagaimana Seksyen 62, Kanun Tanah Negara yang melibatkan sebanyak 75 buah premis termasuk Gerai, Pasar/Dewan/Bengkel/Padang dan Gelanggang. Manakala tawaran pengambilan 47 staf, aset alih, jentera dan kenderaan telah ditolak oleh pihak MDKT atas sebab implikasi kewangan.
- ii. Bagi Sistem Kumbahan untuk ketiga-tiga kawasan yang terlibat, KEJORA perlu mengikut arahan SPAN yang mana penyerahan mesti dibuat terus kepada IWK dan ianya tertakluk kepada pematuhan dan keperluan IWK.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

Setakat ini, urusan penyelenggaraan masih dibawah tanggungjawab KEJORA sehinggalah urusan penyerahan aset tersebut kepada IWK selesai dan seterusnya barulah dibuat penyerahan kepada MDKT.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 14 (A148)**

Memandangkan pengendalian Infrastruktur Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) masih lagi bawah jagaan JKR Persekutuan, jadi apakah yang boleh dilakukan oleh JKR Negeri untuk memastikan Infrastruktur KSAB dalam keadaan yang baik?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Pengendalian Infrastruktur Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) berdasarkan perkhidmatan utiliti 846 ribu/sebulan.

Kerajaan Negeri menubuhkan Jawatankuasa Penambahbaikan Infrastruktur KSAB bagi mengenal pasti fasiliti yang perlu dipertingkatkan dan seperti mana sedia maklum bangunan KSAB adalah dibawah kawalan kerajaan Persekutuan.

Memberi kebenaran kepada JKR Negeri untuk menganggotai sebagai Ahli Jawatankuasa Teknikal Kontrak konsesi KSAB. Oleh yang demikian Jawatankuasa yang dibentuk ini akan mengenal pasti isu dan masalah yang berkaitan dengan infrastruktur bangunan tersebut dan akan mengemukakan laporan kepada kerajaan persekutuan.

Tarikh mula kontrak adalah pada 01 Januari 2016 dan akan tamat pada 31 Disember 2025 berikutan tempoh konsesi selama 10 Tahun.

Skop bagi Infrastruktur Kompleks Sultan Abu Bakar adalah seperti di bawah.

SKOP KERJA

1. Konsesi hendaklah menyediakan perkhidmatan kepada semua bangunan kontrak di bawah perjanjian ini mengikut Prosedur yang Dipersetujui dan hendaklah mematuhi TRPI (Petunjuk Teknikal dan Petunjuk Prestasi)
 - i. Mekanikal
 - ii. Awam
 - iii. Elektrik
 - iv. Pengemasan
 - v. Keselamatan
 - vi. Kawalanserangga
 - vii. Landskap
2. Konsesi hendaklah melaksanakan perkhidmatan untuk mengoptimumkan fungsi, ketersediaan, keupayaan dan kecekapan bangunan kontrak
3. Konsesi hendaklah menanggung segala kos dan perbelanjaan yang dilakukan dalam apa-apa penyelenggaraan, pengembangan atau peningkatan mana-mana kemudahan yang dipasang

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

4. Kongsesi akan melaksanakan / melaksanakan Pengubahsuaian Aset Kritikal mengikut jadual kerja
5. Kongsesi hendaklah mengekalkan semua buku, akaun dan rekod yang diperlukan dan hendaklah menubuhkan system pelaporan bagi Perkhidmatan dan CARP
6. Kongsesi akan mengurus dan membayar semua bil utiliti.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 15 (A17)

Minta dinyatakan adakah 15,303 akaun golongan miskin yang menerima Program Air Percuma akan diteruskan?

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

SAJ

Mengikut rekod SAJ Ranhill, setakat Jun 2018, seramai 3,033 pemilik akaun yang tergolong sebagai Miskin dan Miskin Tegar tersenarai dalam e-kasih telah menerima pemberian air percuma sebanyak 25m³ sebulan. Program pemberian air percuma 25m³ kepada golongan sasar ini diteruskan dan dibiayai oleh SAJ.

UPEN

Program Air Percuma kepada 15,303 pemegang akaun golongan miskin di Negeri Johor akan diteruskan kerana golongan miskin dan miskin tegar adalah termasuk dalam kategori golongan B40 dan merupakan penerima Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) bagi Negeri Johor dengan pendapatan isi rumah RM 4,000.00 ke bawah. Mereka ini layak menerima bantuan air percuma 10m³ sebulan (bagi sektor domestik) yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 16 (A195)**

Senaraikan projek-projek yang pernah dijalankan untuk mengintegrasikan keunikan unsur-unsur kebudayaan dan kemanusiaan di bandar-bandar yang berdekatan demi memajukan industri pelancongan.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Pelancongan bukan sahaja dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara itu, tetapi ia juga secara tidak langsung berupaya membuka ruang kepada dunia luar untuk mengenali kepelbagaian budaya, bangsa dan keunikan demografi sosial sesebuah negara itu dengan lebih dekat dan jelas. Ini secara tidak langsung juga akan menjadikan rakyat sesebuah negara itu lebih terbuka, lebih bertoleransi dan lebih menghormati budaya bangsa luar.

Antara usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui agensi seperti Tourism Johor, Yayasan Warisan Negeri Johor dan Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negeri Johor di dalam mengintegrasikan kebudayaan dan kemanusiaan serta pelancongan adalah sepertimana berikut :-

1. Ghazal @ Muar pada 7 – 8 April 2017 yang mengetengahkan muzik ghazal.
2. Festival Permainan Tradisional Muafakat Johor 2017 pada 26 September 2017 yang menggabung permainan seperti sepak raga, yoyo cina, kabaddi dan sebagainya.
3. Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri pada 15 Julai 2017 di Sembrong, Kluang.
4. Festival Hujung Medini pada 29 – 30 September 2017 yang melibatkan 3 buah negara iaitu Indonesia, Singapura dan Johor, Malaysia.
5. Festival Muafakat Johor 2017 pada 23 – 26 November 2017 yang merupakan sebuah acara pertandingan kebudayaan dari kaum Melayu, Cina dan India.

Selain itu, pada tahun ini pihak Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negeri Johor turut mengadakan persembahan kebudayaan secara berkala yang dikenali sebagai *'The Colours of Johor'* dengan izin di lokasi seperti Kompleks Sultan Iskandar (CIQ) pada setiap hari Ahad jam 3.00 petang manakala di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai pada setiap hari Khamis jam 12.00 tengahari.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 17 (A182)

Selain daripada pelaksanaan acara-acara sukan seperti bolasepak dan lain-lain sukan permainan tradisional juga telah mengisi ruang dan diminati oleh pelajar-pelajar sekolah sepanjang 5 tahun sebelum ini. Adakah YB EXCO menyedari kewujudan program ini dan adakah ianya akan dilaksanakan pada masa-masa akan datang?

JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Saya menyedari adanya program yang menarik minat pelajar-pelajar sekolah khususnya sepanjang 5 tahun sebelum ini seperti Festival Permainan Tradisional Muafakat Johor. Namun, ia adalah tanggungjawab kita sebagai kerajaan untuk terus memberi ruang kepada pelajar-pelajar sekolah dalam menyertai program yang baik seperti ini.

Saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Dan Kebudayaan Negeri Johor komited untuk memperkasakan sukan tradisional di negeri Johor. Program yang memberi manfaat pada bangsa Johor harus dikekalkan.

Mengambil contoh, sukan tradisional seperti sepak raga bulatan atau sepak raga tuju yang berjaya menarik minat ramai golongan pelajar-pelajar sekolah maka kita sebagai kerajaan negeri akan terus memberi peluang ketengahankan bakat mereka melalui program-program yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 18 (A142)**

Pekan Rabu kini di jenamakan sebagai Kluang Junction gagal menjadi tempat perniagaan untuk bumiputera. Mengapa penjenamaan semula Perbadanan Usahawan Johor (EDC) tidak menepati kehendak dan keperluan penduduk Kluang dan saya mencadangkan agar PBT dan pihak berkepentingan dilibatkan dalam hal ini.

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Penjenamaan Kluang Junction bersandarkan kepada 3 teras utama iaitu, Keusahawanan, Komuniti dan Aspirasi. 1) Keusahawanan ialah menyediakan tempat untuk berniaga seperti premis dan ruang legar. 2) Komuniti adalah untuk menggalakkan aktiviti masyarakat setempat dilakukan di bangunan ini sebagai contoh, pada setiap hari rabu, aktiviti senamrobik akan diadakan untuk menggalakkan gaya hidup yang sihat. Orang ramai boleh melakukan pelbagai aktiviti yang bukan untuk mengambil keuntungan (*corporate social responsibility*) 3) Aspirasi pula, adalah untuk menyokong peniaga dengan pelbagai kursus berkaitan perniagaan seperti pemasaran dan kewangan yang dianjurkan oleh angensi-agensi kerajaan. Sebagai contoh, pada 22 April 2018 lepas, telah berlansung Kursus Rancangan Perniagaan, Kewangan Dan Pemasaran Di Prime City Hotel, yang dianjurkan Perbadanan Islam Johor Bersama Perbadanan Usahawan Johor.

Objektif sebenar bangunan ini dibangunkan adalah untuk menempatkan peniaga-peniaga yang berpotensi. Oleh sebab itulah, hanya perniagaan yang mempunyai daya saing ditempatkan di sini.

Namun suka untuk saya tegaskan bahawa; Kluang Junction merupakan inisiatif daripada kerajaan terdahulu, yang mana dahulu dikenali dengan nama Pekan Rabu Kluang (mula beroperasi pada 3 Jun 2016). Kemudian telah dijenamakan semula oleh Kerajaan Terdahulu kepada Kluang Junction pada 9 Mei 2017.

Walaupun penjenamaan ini telah menempatkan lebih 39 peniaga bumiputera yang mampu meningkatkan jumlah pengunjung ; malah turut diberikan inisiatif oleh pihak PUJB, namun ianya masih belum berjaya mencapai matlamat seperti yang digariskan oleh kerajaan terdahulu. Ini adalah salah satu bukti kegagalan dari pihak kerajaan terdahulu.

Kami, di pihak Kerajaan Pakatan Harapan akan mengambil alih tanggungjawab ini, dengan melaksanakan perancangan semula dan meneliti beberapa perkara untuk memastikan Kluang Junction akan menjadi ikon baru di Kluang dan tidak lagi dianggap satu kegagalan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 19 (A173)

Apakah perancangan dalam menaik taraf Jalan Salleh dan Jalan Sungai Abong yang kini semakin pesat membangun disebabkan peningkatan penduduk di kawasan tersebut?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Buat masa ini pihak kerajaan sedang membuat kajian berkenaan untuk menaik taraf Jalan Salleh dan Jalan Sungai Abong.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 20 (A41)**

Minta dinyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah gejala sosial seperti penagihan dadah yang semakin berleluasa di dalam kawasan-kawasan FELDA. Bagaimana Kerajaan Negeri ingin membanteras masalah penagihan dadah di FELDA sekiranya kebanyakannya disebabkan oleh orang luar FELDA.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Kerajaan sentiasa memandang serius terhadap masalah dadah di negara ini merupakan masalah global dan telah mengambil pelbagai langkah bagi menanganinya. Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah menggerakkan program Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) bagi membersihkan 178 kawasan berisiko di seluruh negara secara berperingkat. Kawasan sasaran utama yang telah dikenal pasti ialah kawasan nelayan, penempatan tanah rancangan (FELDA dan FELCRA) serta Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Berdasarkan statistik Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Johor dari Januari 2018 hingga Jun 2018, sebanyak 71 kali operasi telah dijalankan di kawasan FELDA seluruh Johor dan hasilnya seramai 211 orang telah ditahan kerana positif dadah. Perkara ini perlu dipandang secara holistik kerana masalah penagihan di FELDA bukannya perkara yang baru dan memerlukan kerjasama daripada semua pihak untuk mengatasinya.

Bagi Kerajaan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Johor, strategi Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) yang menggunakan pendekatan menggerakkan agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti melibatkan peranan mereka sebagai perancang, penggerak dan pemilikhak (ownership) dalam setiap program dan aktiviti pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah serta penguatkuasaan dadah. Program PDH yang telah dilaksanakan sejak tahun 2016 ini akan diteruskan pada tahun 2018.

Mengikut rekod sistem MyAADK, seramai 414 orang klien Orang Kena Pengawasan (OKP) yang menetap di kawasan FELDA seluruh Johor telah didaftarkan sebagai klien AADK sehingga Jun 2018 yang mana Daerah Kota Tinggi tertinggi iaitu seramai 207 orang. Klien ini akan mengikuti Program Pemulihan yang dijalankan oleh AADK sebulan sekali serta perlu melaporkan diri sebulan sekali di Balai Polis yang berdekatan.

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) selaku agensi utama membanteras Dadah Musuh No 1 Negara untuk membasmi dan mengurangkan kadar penagihan dadah di kawasan-kawasan FELDA antaranya melaksanakan program-program seperti :

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

a. Pendidikan dan Kesedaran Awam

Melalui pendidikan dan kesedaran awam ini, pihak AADK melaksanakan program-program pameran dan ceramah di sekolah sebagai langkah pencegahan awal di usia awal kanak-kanak. Kebanyakan kes yang berlaku di FELDA melibatkan golongan kanak-kanak dan belia. Kebanyakan mereka yang terlibat adalah disebabkan faktor ingin mencuba dan pengaruh dari rakan sebaya. Maka konsep pendidikan awalan kanak-kanak dilihat memainkan peranan yang penting.

b. Operasi Penguatkuasaan

Dalam usaha mengurangkan kadar penagihan dadah, Agensi Kerajaan khususnya Agensi Antidadah Kebangsaan melaksanakan pendekatan operasi penguatkuasaan termasuk di kawasan FELDA. Kebanyakan sumber maklumat yang diperolehi adalah daripada pihak masyarakat FELDA itu sendiri yang menjadi mata dan telinga dalam membantu agensi kerajaan menumpaskan kegiatan penagihan di Kawasan-kawasan FELDA. Operasi yang dilakukan meliputi Operasi Aduan, Operasi Bersepadu dan rondaan KRT di kawasan Felda.

c. Keluarga Prihatin

Kebanyakan kes penagihan dadah yang berlaku kini, rata-ratanya adalah berpunca daripada kegagalan kefungsi dalam sesebuah keluarga. Dalam institusi kekeluargaan, setiap ahli dalam keluarga hendaklah memainkan perana dan memahami tanggungjawab yang harus dilaksanakan. Salah satu komponen program pencegahan yang dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) adalah program **Family On Alert** yang melibatkan komuniti dan masyarakat setempat terutamanya di kawasan FELDA. Program ini dapat memberi pendedahan pengetahuan, meningkatkan kesedaran di kalangan keluarga akibat dan kesan penyalahgunaan dadah serta mempelajari kemahiran dan cara gaya keibubapaan untuk melahirkan keluarga yang sihat dan bebas dari masalah penagihan dadah.

Bagi menangani jenayah berkaitan dadah yang dilakukan oleh individu luar yang bukan terdiri daripada Warga FELDA, pihak kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan untuk mengesan dan menangkap serta mengambil tindakan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah. Selain itu dengan memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama dengan Smart Partner.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 21 (A181)

Berapa kos yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri untuk membina dan menyelenggara Hab Belia di setiap daerah?

JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Projek "Johor International Youth Hub" atau HAB merupakan salah satu projek di dalam Iskandar Malaysia yang merupakan suatu terjemahan agenda pemeraksanaan belia di dalam bentuk fizikal, yang mana ia adalah suatu pusat aktiviti belia yang menggabungkan pembangunan modal insan dan pembangunan fizikal. Penglibatan belia di dalam projek ini adalah di dalam setiap aspek dan fasa pembangunannya sama ada dari segi konsep, perancangan, rekabentuk, pembinaan sehinggalah pengurusan dan penggunaannya.

Pembangunan HAB ini terbahagi kepada tiga peringkat iaitu:

1. 'Neighbourhood Youth Hub' – dalam Kawasan kejiranan tempatan
2. 'Local Youth Hub - di setiap PBT dalam kawasan Iskandar Malaysia
3. 'Regional Youth Hub' – peringkat antarabangsa dan sebidang tanah di Iskandar Puteri telah disediakan untuk tujuan ini.

Peruntukan semasa yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan membolehkan 'Local Youth Hub' di Hutan Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dibangunkan sebagai projek perintis kepada 'Local HAB' yang lain dan menyediakan kemudahan asas untuk pembangunan 'Regional HAB' di Iskandar Puteri.

Kos Operasi dan penyelenggaraan 'Local HAB' di Hutan Bandar MBJB dan 'Regional Youth Hub' adalah salah satu model di mana kerjasama di antara pihak PBT, komuniti dan pihak pengurusan HAB dikoordinasikan untuk mengoptimumkan sumber apabila ianya mula beroperasi kelak.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NENAS)
SOALAN 22 (A165)**

Adakah kerajaan merancang untuk menyediakan peruntukan kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina dan Sekolah Agama di negeri Johor setiap tahun melalui bajet tahunannya?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tidak tergolong di bawah kategori institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Kedudukan 60 buah SMPC masih kekal status quonya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*]. Berdasarkan status quo tersebut, 60 buah SMPC yang berkenaan tidak layak menerima sebarang sumbangan bantuan daripada kerajaan.

Seksyen 52 Akta 550 memperuntukkan bahawa bantuan kewangan secara sumbangan boleh diberikan daripada wang yang diperuntukkan oleh Parlimen kepada sesuatu institusi pendidikan Islam yang tidak disenggarakan oleh Menteri Pendidikan atau Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, sumbangan tersebut adalah tertakluk kepada syarat dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)
SOALAN 23 (A87)**

Minta penjelasan adakah Kerajaan PH Negeri Johor mempunyai pelan perancangan baru untuk menjadikan desa atau kampung lebih dinamik dan menjadi pilihan terbaik orang muda tinggal di desa dan kampung. Jika ada sila nyatakan pelan tersebut dan bila ianya akan dilaksanakan.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui Rancangan Malaysia ke-11, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mensasarkan pembangunan belia sebagai agen penting untuk melahirkan komuniti luar bandar yang berjaya.

Dalam merealisasikan penglibatan golongan belia di luar bandar dan mengelakkan mereka berhijrah ke bandar, pihak kementerian sedang dalam proses penyediaan Dasar Pembangunan Luar Bandar dan Blueprint Harapan Pembangunan Luar Bandar bagi menjadikan desa dan kampung yang lebih dinamik melalui penciptaan peluang-peluang baharu di peringkat luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Dasar Pembangunan Luar Bandar yang mengandungi 11 teras dan Blueprint Harapan Pembangunan Luar Bandar yang mengandungi 6 teras ini akan dilancarkan dalam masa terdekat.

DASAR PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

BIL	TERAS
1	EKONOMI
2	KEUSAHAWANAN
3	MODAL INSAN
4	PRASARANA
5	BELIA
6	WANITA
7	PERUMAHAN
8	KEHIDUPAN SIHAT, SELAMAT DAN SEJAHTERA
9	SISTEM PENYAMPAIAN DAN TADBIR URUS
10	BIODIVERSITI DAN ALAM SEKITAR
11	PEMBANGUNAN WILAYAH DAN PETEMPATAN DESA

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

BLUEPRINT HARAPAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

BIL	TERAS	STRATEGI
1	PRASARANA	4 STRATEGI
2	EKONOMI DAN EKONOMI KOMUNITI	6 STRATEGI
3	KEUSAHAWANAN	5 STRATEGI
4	MODAL INSAN	5 STRATEGI
5	WANITA	3 STRATEGI
6	SISTEM PENYAMPAIAN	6 STRATEGI

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 24 (A42)**

Minta dinyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan pesisir pantai (Bandar Mersing, Teluk Buih, Air Papan, Tanjung Leman, Sedili, Desaru dan Tanjung Balau) yang mengalami fenomena obor-obor merah berbisa yang boleh menyebabkan kematian jika terkena kepada mangsa yang berada di dalam air.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Jabatan Kesihatan tidak dapat memberi ulasan tentang fenomena obor-obor merah di persisiran pantai Johor kerana isu ini merupakan isu Jabatan Taman Laut, Malaysia. Akan tetapi sehingga kini TIADA kes akibat serangan obor-obor yang dilaporkan oleh mana-mana klinik atau hospital di daerah Mersing dan daerah Kota Tinggi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 25 (A59)**

Apakah rancangan Kerajaan Negeri supaya menolong memajukan Pekan Yong Peng sebagai hub pelancongan dengan menaik taraf Sungai Bekok dan Sungai Temehel dan sebagai hub buah-buahan di Negeri Johor dan permintaan supaya satu hub bas ekpress diadakan di Yong Peng.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Untuk makluman, kawasan Sungai Bekok di pekan Yong Peng ini terletak bersebelahan dengan Dataran Gemilang Yong Peng. yang merupakan kawasan khas rekreasi tempatan dan sering menjadi lokasi penganjuran bagi acara-acara serta majlis-majlis tertentu.

Oleh itu, kerajaan negeri melalui Majlis Daerah Yong Peng merasakan bahawa Sungai Bekok berpotensi untuk aktiviti pelancongan, ini termasuklah penjualan cenderamata yang boleh dibuat dengan menyusuri tepian sungai tersebut. Walaubagaimanapun, perkara ini memerlukan kerjasama dan kajian terperinci dari pelbagai pihak khususnya dari Jabatan Pengaliran dan Saliran.

Selain itu, kerajaan negeri melalui Majlis Daerah Yong Peng juga sememangnya mempunyai perancangan untuk menjadikan Yong Peng sebagai hub pengeluaran buah-buahan tempatan dan perkara ini telah dimasukkan di dalam Rancangan Tempatan Daerah (RTD pengantian) yang kini sedang di peringkat akhir kajian. Ini kerana pekan Yong Peng juga telah dikenalpasti sebagai salah satu kawasan pengeluar dan pengumpulan buah-buahan tempatan yang terbesar di negeri Johor.

Majlis Daerah Yong Peng juga kini di dalam proses membuat permohonanewartakan perhentian bas sedia ada untuk dijadikan sebagai hentian bas ekspres. Ini kerana perhentian bas yang sediada ini mempunyai kemudahan dan lebih terminal yang boleh digunakan sebagai destinasi perhentian bas-bas ekspres.

Secara umumnya kerajaan negeri melalui Majlis Daerah Yong Peng sememangnya mempunyai perancangan untuk memajukan pekan Yong Peng sebagai destinasi pelancongan. Walau bagaimanapun ia masih diperingkat kajian dan cadangan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 26 (A27)

Nyatakan bilangan pelajar yang gagal ujian air kencing dan usaha yang dilakukan sebagai langkah pencegahan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Bilangan pelajar gagal ujian air kencing (strip) setakat 30 Julai 2018 adalah 176 orang daripada 5154 orang yang diuji, iaitu 3.41 peratus melibatkan pemeriksaan di 268 buah sekolah.

Langkah menangani isu dadah di sekolah dilaksanakan dalam Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) melalui 2 pendekatan iaitu :

- i. Pencegahan – dilaksanakan secara menyeluruh di semua sekolah sepanjang tahun . Aktiviti yang dilaksanakan termasuk penubuhan jawatankuasa PPDa sekolah, Minggu AntiDadah, Program 5 minit AntiDadah, Sudut/ Bilik/ Laluan PPDa, Sisipan PPDa dalam Kurikulum, Skim Lencana AntiDadah (SLAD), Program IMFree dan Ujian Air Kencing.
- ii. Intervensi – dilaksanakan dalam tempoh tertentu terhadap murid positif ujian air kencing. Aktiviti yang terlibat adalah pertemuan dan perbincangan bersama ibubapa atau penjaga, sesi kaunseling di sekolah, Program Intervensi Anak Negara (INTAN) anjuran KPM, Program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) anjuran AADK, Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) anjuran AADK dan Ujian Air Kencing Kali Kedua bagi pelajar yang telah menjalani sesi kaunseling.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB PUAN NORHAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 27 (A161)**

Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula keberkesanan program-program ekonomi masyarakat luar bandar yang diluluskan kerajaan terdahulu ke arah penambahbaikan untuk mewujudkan aktiviti yang lebih berdaya saing bagi meningkatkan taraf ekonomi masyarakat luar bandar?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Di dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar, salah satu teras utama adalah untuk memperbanyakkan pembangunan luar bandar dan merapatkan jurang ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar. Justeru itu, pihak kerajaan akan sentiasa komited untuk memastikan objektif tersebut dapat dicapai. Bagi merealisasikan hasrat untuk masyarakat luar bandar sentiasa berdaya saing dari aspek ekonomi program-program yang dilaksanakan perlu sentiasa sejajar dengan keadaan semasa.

Program-program pembangunan termasuk yang melibatkan ekonomi masyarakat luar bandar akan sentiasa dikaji dan diberi penambahbaikan dari masa ke semasa agar sentiasa relevan dan mampu diterima oleh masyarakat luar bandar.

Pihak kerajaan juga akan memastikan bukan sahaja program-program yang berasaskan ekonomi, malahan program dan projek untuk memperbaiki kualiti hidup masyarakat luar bandar juga akan sentiasa dikaji dan ditambah baik agar masyarakat luar bandar tidak ketinggalan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 28 (A147)**

Nyatakan apa projek-projek yang telah dilakukan bersama status berkenaan untuk merealisasikan "Smart City" oleh IRDA.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Bagi makluman, kerangka 'Smart City' adalah merangkumi enam (6) dimensi iaitu Smart Ekonomi, Tadbir Urus, Alam Persekitaran, Mobiliti, Kehidupan dan Manusia. Peranan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) di dalam merealisasikan kerangka 'Smart City' ini adalah sebagai perancang dan pemudahcara kepada keseluruhan kerangka menerusi pembangunan modal insan menerusi bengkel, latihan dan lawatan teknikal kepada pihak berkuasa tempatan dan dengan kerjasama penyedia perkhidmatan dan penyelesaian atau solution and service provider, dengan izin.

Ini disokong dengan satu platform 'Futuristic Iskandar Malaysia Council', dengan izin yang berperanan untuk berkongsi idea dan bersama-sama merealisasikan Smart City Iskandar Malaysia. Pelaksanaan dilakukan di setiap peringkat urus tadbir dengan pendekatan yang berbeza.

Di antara projek-projek yang telah di kenalpasti menerusi program IRDA bersama pihak berkuasa adalah:

Dimensi	Nama Projek	Project description	Status	Di jayakan oleh:
Smart Living	Pengurusan Parking Pintar (<i>Smart Parking Management</i>)	Terdapat 2 projek bagi tujuan ini: 1. 'Infoboard' dan 'apps' yang memaparkan 'live feed information' bangunan-bangunan utama di sekitar Johor Bahru (pusat membeli belah dan hotel) bagi petak parking yang kosong	<ol style="list-style-type: none"> Pihak MBBJ dan pemilik bangunan telah bersetuju menambahb aik 'infoboard' sedia ada dan mewujudkan 'apps' parking. Smart 'Multi-layered' parking 	MBJB

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

		2. Smart 'Multi-layered parking' yang mampu menyelesaikan masalah parking di sekitar bandaraya Johor Bahru.	sedang dalam proses menyenarai pendek operator / 'partner' bagi tujuan ini.	
Smart Governance	Pengurusan Bandar Bersepadu (<i>Integrated City Management</i>)	MBIP menggunakan platform GIS bagi tujuan perkongsian data aktif bagi menguruskan operasi harian dengan lebih efisien antara jabatan.	MBIP dalam proses menyiapkan fasa 1 yang melibatkan beberapa jabatan utama.	MBIP
Smart Mobility	Pengurusan Trafik Pintar (<i>Smart Traffic Management</i>)	Projek ini melibatkan 10 persimpangan (yang telah dikenalpasti menghadapi masalah lalulintas yang kritikal) yang dilengkapi dengan sensor dan mempunyai kawalan berpusat.	Pemasangan sensor telah selesai dilaksanakan. Pada masa ini masih berada dalam peringkat ujian.	MPKU
Smart Environment	Penjimatan Tenaga (<i>Energy Saving</i>)	Projek ini melibatkan usaha pihak MPPG untuk mengenalpasti : 1. Pengagihan penggunaan elektrik di bangunan Menara Aqabah 2. Cadangan penyelesaian pintar bagi memastikan penggunaan elektrik yang lebih efisien.	Satu Memorandum Persefahaman telah diadakan antara MPPG dan SIRIM bagi tujuan berikut: 1. SIRIM melaksanakan 'Audit Tenaga' di Menara Aqabah 2. SIRIM membangunkan pelan penyelesaian pintar (untuk jangkamasa pendek,	MPPG

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

			sedehana dan panjang) bagi memastikan Menara Aqabah mengadaptasi penjimatan elektrik dan penggunaan elektrik yang lebih efisien.	
Smart Operation	Penambahbaikan kapasiti dalaman (Internal Capacity Enhancement)	Projek ini melibatkan usaha pihak MDP menaiktaraf infrastruktur dalaman MDP termasuk peningkatan kelajuan internet di sekitar Pusat Bandar Pontian	Telekom Malaysia telahpun memberikan senarai makluman yang perlu bagi menyediakan proposal untuk pertimbangan pihak MDP.	MDP

IRDA turut menjayakan berberapa projek yang telah lepas seperti :

1. Penggunaan kereta EV dan 'charger station' dengan kerjasama pemilik dan pemaju
2. Integrated Operations Centre (IoC) for Smart Services dengan kerjasama Inneonusa (TM)
3. Media and Game Innovation Centre of Excellence (MagicX) bagi merencanakan eko sistem start up digital

Selain daripada itu, projek-projek utama yang sedang di laksanakan adalah:

Dimensi	Nama Projek	Project description	Status
Smart Ekonomi, Smart People and Infrastructure	RKK Kulai Sedenak /Sedenak Digital Valley	Rancangan Khas Kawasan Kulai Sedenak yang bakal membangunkan sebahagian kawasan Sedenak yang dikenali sebagai 'Sedenak Digital Valley' sebagai hab data dan digital menjelang tahun 2025 berasaskan infrastruktur dan komuniti bandar	YB Jimmy Puah telahpun merasmikan RKK Kulai Sedenak pada 6 Julai 2018. Pada masa ini, sedang dalam proses pengumpulan input dan komen dari pihak awam.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

		pintar di masa hadapan	
Smart Governance	Urban Observatory	Pembangunan Pusat Data secara 'centralized' bagi tujuan mengumpul, mengemas kini, menganalisis, mengurus dan menyebarkan data dan maklumat di Iskandar Malaysia. Ia juga merupakan Pusat Pemantauan dan Penilaian untuk memantau kemajuan Iskandar Malaysia dalam melaksanakan Rancangan Pembangunan Komprehensif 2 (CDPii) Iskandar Malaysia, keadaan bandar dan trendnya.	Rangka kerja telah siap. Sekarang dalam proses menyiapkan: <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Business Plan</i> 2. <i>Data Landscape Review</i> 3. <i>Data Management & Policy</i>, dengan izin.
Smart Mobility	Mobility Management System atau Sistem Pengurusan Mobiliti	Sistem pengurusan trafik dan pengangkutan bersepadu yang pintar berfungsi sebagai platform untuk penyelarasan di kalangan pihak berkuasa yang berlainan sambil mengetuai projek yang lebih kecil yang berkaitan dengan pengurusan aliran lalu lintas, keutamaan pengangkutan awam, standard keselamatan dan	Dalam fasa pembangunan sistem.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

		keselamatan dan pengurusan logistik.	
Smart Mobility	Sistem Teknologi Pengangkutan Awam Bersepadu	Penyediaan data, sistem serta aplikasi kepada sistem pengangkutan awam bersepadu	Penemuan dan strategi awal dengan kerjasama serta sumber dari British High Commision Kuala Lumpur
Smart Environment	Global District Energy	Penyediaan kerangka, projek perintis dan garis panduan bagi penyediaan 'district cooling' dan 'district energy' secara berpusat	Penyediaan 'Term of Referance' dengan kerjasama serta sumber dari United Nation Environment
Smart Governance	Sistem Automasi Pengurusan Projek (Project Management Automated System - PRoMAS)	Projek ini menyediakan platform bagi IRDA meningkatkan pemantauan, pengesanan dan ketelusan portfolio, program dan aktiviti projek. Platform ini juga diwujudkan untuk menggalakkan ketelusan dan penampakkan dalam pemantauan dan pelaporan pengurusan projek	Fasa 1 yang melibatkan elemen Pemantauan dan Kawalan projek telahpun siap dibangunkan. Sekarang baru memasuki Fasa 2 iaitu akan melibatkan Perancangan dan Inisiasi Projek

Pihak IRDA juga menyediakan garis panduan bagi ' Smart Township', untuk menggalakkan pembangunan seperti Medini City dan UM Land membangunkan pembangunannya yang menjurus kepada 'Smart Township'. Dan Iskandar Malaysia/Johor Bahru telah dipilih sebagai salah satu bandar pintar di dalam 'ASEAN Smart City Network' menerajui model 'Smart City' di Malaysia.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 29 (A194)

Nyatakan langkah-langkah bimbingan dan insentif kerajaan untuk memupuk automasi dalam bidang perindustrian dan perkhidmatan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Perubahan yang berlaku akibat fenomena Industri 4.0 memerlukan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi agar daya saing dapat diperkasakan. Sumber manusia sekarang adalah pelapis yang mewarisi pentadbiran tidak kira dalam sektor apa sekali pun dan juga organisasi serta negara.

Realiti hari ini menunjukkan bahawa pembangunan sumber manusia akan menjadi tumpuan utama kerajaan dalam menangani perubahan persekitaran. Hal ini amatlah berhubung rapat dengan tuntutan keperluan Industri 4.0 yang berasaskan teknologi komputer dan sistem automasi. Sumber manusia perlu diberi pendedahan mengenai keperluan melengkapkan keupayaan diri masing-masing dalam menangani tuntutan Industri 4.0. Semua ini boleh dicapai melalui latihan dan pembangunan sumber manusia.

Pengabaian aspek latihan dan pembangunan sumber manusia, serta kurangnya kesedaran mengenai kepentingannya boleh menyebabkan kerajaan bakal berdepan cabaran menangani Industri 4.0. Antara cabarannya ialah penyusutan moral dan motivasi, peningkatan kadar turn out (dengan izin) pekerja dan masalah ketidakpuasan kerja. Apa yang dibimbangi adalah masalah berkait sumber manusia ini boleh menyebabkan negara mengalami penyusutan daya saing yang akhirnya menjejaskan produktiviti sesuatu entiti khususnya dan negara amnya. Bagi tujuan ini, Kerajaan merasakan perlu untuk mewujudkan sebuah Jawatankuasa Modal Insan untuk Industri 4.0 yang dipengerusikan bersama oleh Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti dan Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan.

Peralihan kepada teknologi komputer dan sistem automasi bukan sahaja membawa kepada kecekapan dan keberkesanan operasi, malah memberi impak besar terhadap keperluan sumber manusia. Peningkatan kecekapan dan pengurangan sumber manusia ini membawa kepada penjimatan kos yang drastik kepada organisasi.

Kerajaan juga amat menggalakkan majikan membuat pelaburan dalam simulasi dan realiti maya, integrasi sistem, industri Internet of Things (IoT), keselamatan siber, pengkomputeran awan, rantai bekalan, analisis data raya dan robot automasi, ini di lihat mampu membawa organisasi ke tahap berbeza dalam persaingan perniagaan pada masa depan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

Kerajaan juga melihat kemungkinan dan keperluan untuk menjalinkan kerjasama dengan mana-mana pihak terutamanya dari negara maju seperti Jerman, Jepun dan Korea Selatan untuk mewujudkan Pelan Jangkamasa Panjang Industri 4.0 yang di sesuaikan dengan keperluan dan selaras dengan hasrat kerajaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

YB TUAN YSAHRUDIN BIN HAJI KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 30 (A130)

Mekanisme apakah yang bersesuaian boleh digunapakai dalam mengurangkan kos bebanan hidup rakyat setelah sumber pendapatan yang bergantung kepada hasil pertanian semata-mata dalam mengecilkan jurang perbezaan sosio ekonomi di antara di luar bandar dan bandar.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat, sektor pertanian antara penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2017. Menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2017, sektor pertanian telah berkembang sebanyak 8.8% berbanding dengan tahun 2016. Dari segi nilainya pula sektor ini menyumbang sebanyak RM 15.3 billion iaitu meningkat sebanyak RM 1.3 billion daripada tahun 2016. Negeri Johor merupakan pengeluar utama makanan negara seperti sayur-sayuran dan buah-buahan. Selain daripada itu, seramai 54,700 orang pula telah terlibat secara langsung dengan sektor pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan di negeri Johor.

Bagi mengekalkan status tersebut serta mengurangkan jurang perbezaan sosioekonomi bandar dan luar bandar yang kebanyakannya berlatarbelakangkan sektor pertanian, antara mekanisme yang akan ditekankan adalah melalui kaedah pertanian moden yang menggunakan teknologi tinggi. Menerusi kaedah ini pengeluaran hasil pertanian akan dapat dimaksimumkan dan kualiti hasil tersebut dapat ditingkatkan selaras dengan permintaan pasaran. Selain itu, Pemerksaan Industri Kecil Sederhana (IKS) terutamanya berkaitan produk pertanian akan diberikan tumpuan agar produk yang dihasilkan dapat dipasarkan dengan lebih meluas.

Tambahan lagi, di dalam manifesto kerajaan Pakatan Harapan di bawah Teras 1: "Meringankan Bebanan Kehidupan Rakyat", kerajaan kini komited untuk menjamin keperluan asas rakyat dan menjaga kebajikan petani.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 31 (A74)

Minta dinyatakan adakah inisiatif Johor 4.0 diteruskan dan jika tidak tanpa hanya menukar label dan jenama, apakah perancangan kerajaan bagi memastikan Johor tidak ketinggalan dalam aspek ini pada masa hadapan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat, Agenda Johor 4.0 yang dilancarkan pada April 2018 adalah sebagai langkah penyediaan negeri Johor menghadapi revolusi industri keempat atau 4IR (“Industry Revolution 4.0”). Kerajaan Negeri menyedari manfaatnya kepada rakyat negeri Johor dan keperluan untuk memacu ekonomi digital negeri ini agar selari dengan 4IR selagi ianya di dapati bermanfaat besar kepada rakyat Johor dengan kos pelaksanaan yang efektif ianya boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan dengan penambahbaikan yang bersesuaian.

Inisiatif membangunkan ekonomi digital Johor bagi sektor swasta akan dipandu oleh Digital Johor Sdn Bhd (“DJSB”), iaitu anak syarikat penuh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (“KPRJ”), yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri.

Bermula Jun 2018, Kerajaan Negeri juga telah memberi input yang selari dengan hasrat dan kehendak rakyat. Ini disampaikan kepada DJSB dalam pertemuan dan perbincangan DJSB bersama beberapa EXCO Kerajaan Negeri Johor, termasuklah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif, Y.B Sheikh Omar Bagharib Ali, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan Utiliti Y.B Jimmy Phua Wee Tse, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi Y.B Tan Hong Ping, Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan Y.B Dr. S. Ramakrishnan.

Selain itu, perbincangan ini juga menyentuh peranan yang dapat dimainkan oleh pihak Kerajaan Negeri dalam merangsang perkembangan ekonomi digital sektor swasta, selain perkongsian mengenai inisiatif dan pelan rakan kongsi strategik DJSB dan syarikat-syarikat swasta bagi pembangunan ekonomi digital negeri Johor.

Antara inisiatif yang dilakukan oleh DJSB sejak bulan Jun 2018 :

a. Program Keusahawanan

Gerak kerja telah dimulakan bersama EDC yang dihadiri oleh YB Exco Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Ekonomi Kreatif, untuk membangunkan applikasi-applikasi yang memanfaatkan rakyat. Ini dapat membantu syarikat-syarikat yang bekeja dan melahirkan usahawan baru di setiap daerah di negeri Johor.

b. Hab Halal Digital Johor

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

Telekom Malaysia ("TM"), MIMOS dan DJSB telah bersetuju untuk bekerjasama membangunkan Hab Halal Digital di Johor yang berkonsep Duty Free Trade Zone ("DFTZ"). Dengan adanya Hab Halal ini dapat membolehkan produk halal dieksport melalui digital halal hab yang bermula di Johor dan seterusnya rantau Asia (Johor, Indonesia dan Singapura).

c. Gaya Hidup Digital

"Cash less Society" – untuk menggalakkan penggunaan e-wallet di sektor swasta. DJSB telah bekerjasama dengan Boost Axiata, AEON dan Dialog Group Berhad. Boost Axiata telah memperkenalkan secara agresif penggunaan e-wallet di pasaraya, restoran dan pasar malam. AEON mempunyai rangkaian Gedung perniagaan terbesar di Johor dan Cash Less Payment dapat dilaksanakan secara berkesan. Dialog Group Berhad melalui program MyKasih adalah program e-bantuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah di negeri Johor.

"Smart Learning" – KPRJ telah bekerjasama bersama TM untuk mempelopori Smart Learning. Projek perintis untuk inisiatif ini adalah dengan menyediakan infrastruktur internet di dalam pembinaan Sekolah Agama Rakyat baru. Selain dari itu kawasan di sekitar Sekolah Agama Rakyat ini juga akan mendapat liputan internet dan ini dapat memperluaskan penggunaan internet di negeri Johor.

ImCoop – ImCoop bersama MIMOS telah membangunkan e-market place bagi memperluaskan pasaran ImCoop kepada semua ahli di negeri Johor.

d. Platform bersepadu Penyampaian Perkhidmatan untuk Rakyat & Pelancong Johor Application and Service System ("JASS")

JASS merupakan aplikasi "Hosting and Aggregator" yang boleh memberi maklumat berhubung lokasi dan kemudahan-kemudahan destinasi pelancongan di negeri ini kepada sama ada pelancong domestik mahupun pelancong luar negara. JASS dapat memanfaatkan keseluruhan rakyat Johor dan pelancong dengan memberi perkhidmatan di seluruh negeri Johor (Apps Hosting/ Aggregator). Ini akan memudahkan rakyat Johor dan juga sebagai faktor pengganda dalam usaha menarik kunjungan pelancong ke negeri Johor.

Diharapkan dengan pelaksanaan inisiatif - inisiatif ini akan dapat membangunkan ekonomi digital sekaligus memberi harapan baru kepada rakyat negeri Johor dan supaya Johor dijadikan ikutan oleh negeri-negeri lain.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB TUAN YSAHRUDIN BIN HAJI KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 32 (A127)**

Bagaimana cara membaikpulihan kawasan–kawasan yang didirikan kilang perabot di kawasan berstatus pertanian serta cara menambah nilai kawasan tersebut kepada industri pertanian setelah pembinaan Muar Furniture Park di jangka siap pada tahun 2020.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Sebagaimana sedia maklum, ketika ini terdapat banyak kilang-kilang yang dibina di kawasan tanah-tanah persendirian yang berstatus tanah pertanian. Ini jelas telah berlakunya pelanggaran syarat kegunaan yang membolehkan pihak kerajaan mengambil tindakan ke atas pemilik tanah seperti mengenakan denda dan merampas tanah tersebut. Sehubungan dengan itu, dengan wujudnya Muar Furniture Park ini pemilik tanah perlulah meremedikan tanah (kembali ke syarat asal) supaya tidak lagi berlaku pelanggaran syarat dan pihak kerajaan dengan sendirinya telah melakukan proses pemutihan atas tanah-tanah yang dibuat pelanggaran syarat ini.

Pembangunan Muar Furniture Park yang dirancang semenjak tahun 2015 adalah sebagai menyokong program pemutihan kilang-kilang perabot tidak berlesen yang beroperasi di Daerah Muar secara lebih holistik dan terancang. Bagi memastikan program pemutihan ini digerakkan dengan jayanya JCorp berkerjasama dengan Pihak-Pihak Berkuasa Kerajaan di peringkat negeri dan daerah seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ), Johor Investment State Centre (JSIC), Pejabat Daerah, Majlis Perbandaran Muar (MPM) serta Persatuan Perabot Muar sendiri secara berterusan.

Bagi pemilik-pemilik tanah yang hendak menambah nilai tanah pertanian mereka, terdapat beberapa langkah yang boleh dibuat iaitu dengan mengubahsyarat tanah kepada tujuan yang lain seperti bagi tujuan pembangunan, industri dan sebagainya. Tetapi permohonan-permohonan ini perlulah mendapat ulasan daripada jabatan-jabatan teknikal dan tertakluk kepada zoning kawasan tersebut dan jika bercanggah dengan sesuatu zoning ianya perlulah dirujuk untuk pertimbangan Jawatankuasa Perancangan Negeri (SPC).

Kawasan asal kilang-kilang perabot tidak berlesen yang berstatus pertanian itu pula boleh dioptimalkan untuk kegunaan lain, contohnya tapak semaian, ‘nurseri’ pokok dan bunga atau sebarang aktiviti perniagaan yang tidak bertentangan dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar/ Jabatan Pertanian.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)
SOALAN 33 (A84)**

Minta penjelasan maksud slogan baru atau tagline pentadbiran kerajaan PH ialah "Negeri Berprestasi Tinggi Bangsa Johor Bestari". Tentunya kerajaan PH ada asas-asas yang kukuh untuk menonjolkan dan menggunakan slogan atau tagline tersebut.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Kerajaan negeri amat komited bagi memastikan pembangunan dan kadar pertumbuhan ekonomi negeri Johor terus mencapai paras yang kukuh khususnya menjelang tahun 2030. Bagi mencapai visi ini, kerajaan negeri menetapkan agar sistem penyampaian dan perkhidmatan di negeri Johor berada para prestasi yang tinggi bagi memastikan negeri Johor terus memiliki daya saing yang tinggi sebagai contoh menerusi aplikasi digital dan teknologi.

Kerajaan Negeri mahu memacu Johor ke arah negeri paling berpengaruh dan berdaya saing melalui pembangunan yang mampan. Bangsa Johor akan dibangunkan ke arah pemikiran kelas pertama secara holistik dengan penekanan kepada modal insan yang progresif, inklusif dan bestari.

Tiga prinsip utama kerajaan negeri dalam membangunkan Johor dengan tema "**Negeri Berprestasi Tinggi Bangsa Johor Bestari**" adalah:-

1. Muafakat Itu Berkat
Pemufakatan yang erat Antara pemimpin dan rakyat tidak diketepikan bagi mencapai matlamat sebuah negeri majmuk yang mempunyai nilai toleransi tinggi dalam segenap aspek.
2. Negeri Berprestasi Tinggi
Sebuah negeri yang mempunyai kelas dan martabat tersendiri yang bukan sahaja menghiasi peta Malaysia sebagai Permata Selatan, malah sebagai sebuah negeri yang berdaya saing, berstatus maju dan berpengaruh di rantau ini.
3. Bangsa Johor Bestari
Sebuah negeri yang bangsanya memacu kecemerlangan intelektual sekali gus menjadi suri teladan dalam membina sebuah bangsa yang berperadaban tinggi dan dihormati.

Selain itu apa yang lebih penting bagi memenuhi aspirasi ini ianya perlu didukung oleh Bangsa Johor yang berpengetahuan dan berbudi pekerti tinggi selain bermuafakat di dalam segala usaha yang dirancang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 34 (A179)**

Apakah idea-idea baru kerajaan PH Johor untuk koridor ekonomi terulung bagi sektor agrikultur moden, industri asa tani dan agro/eko-tourism?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Untuk makluman Yang Berhormat DUN Serom, asas Kerajaan Negeri Johor untuk koridor ekonomi terulung bagi sektor agrikultur moden, industri asas tani dan agro / eko-tourism adalah berdasarkan kepada Dasar Agromakanan 2011-2020. Ianya merupakan kesinambungan kepada Dasar Pertanian Negara Ketiga 1998-2010 (DPN3) bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan menjamin bekalan makanan. Dasar ini juga menggariskan beberapa halatuju strategik untuk memangkin golongan peladang, petani, penternak dan nelayan untuk terus menggandakan usaha dalam bidang dan kepakaran masing-masing.

Secara ringkasnya objektif utama pelaksanaan strategi Dasar Agromakanan Negara (DAN), 2011-2020 iaitu ;

- i. Menjadikan sektor pertanian sebagai sektor yang berdaya saing, kompetitif dan mampan;
- ii. Menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan;
- iii. Menyediakan bahan mentah industri yang mencukupi dan berkualiti; dan
- iv. Meningkatkan pendapatan usahawan tani ke tahap yang lebih tinggi.

Kerajaan Negeri Johor menilai dan mengkaji semula dasar-dasar agromakanan dan ditambahbaik supaya dapat dilaksanakan khusus bagi sektor pertanian di Negeri Johor. Dimana wujudnya Dasar Agromakanan Negara (DAN) ini maka Kerajaan Negeri Johor mengambil pendekatan sewajarnya bagi mencapai objektif disamping memastikan pelaksanaan strategi-strategi dasar DAN ini dapat dicapai.

Kerajaan juga akan memberi tumpuan menyeluruh kepada peningkatan kecekapan industri agromakanan di sepanjang rantai nilai supaya industri ini menjadi lebih produktif, berdaya saing dan berintensif pengetahuan. Di bawah dasar ini, pertumbuhan industri agromakanan dipacu oleh pihak swasta dan golongan peladang, petani, penternak dan nelayan melalui teknologi dan inovasi di dalam persekitaran yang lebih mesra perniagaan. Kerajaan negeri juga mengalakkan penggunaan teknologi dan mesin dalam sektor pertanian (seperti kaedah tanaman fertigasi) bagi mengurangkan penggunaan tenaga manusia terutamanya pergantungan terhadap pekerja asing.

Untuk memastikan golongan (petani, penternak dan nelayan) ini terus berdaya saing dan mampan bagi tempoh sepuluh tahun akan datang, pelbagai strategi telah dikenalpasti untuk membangunkan industri ini. Antara objektif yang ingin dicapai adalah untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam Negara bagi memenuhi

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

permintaan yang semakin bertambah dan pembangunan pertanian bernilai tinggi bagi meningkatkan sumbangan kepada pendapatan ekonomi Negara dan usahawan tani.

Negeri Johor sebenarnya telah melaksanakan usaha-usaha yang berterusan untuk memastikan sektor pertanian menyumbang kepada koridor ekonomi terulung dan supaya pengeluaran bahan makanan khususnya untuk peningkatan ekonomi dalam negeri semenjak beberapa dekad yang lalu melalui program berskala besar seperti Zon Pengeluaran Makanan (ZPM), Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), pembukaan Ladang Pertanian Moden dan Pembangunan Ladang Bio Desaru.

Pada masa yang sama golongan yang berskala kecil tidak dipinggirkan, malah terus diberi bimbingan dan bantuan agar mereka terus dapat bergiat secara aktif dan berterusan untuk mengeluarkan hasil-hasil pertanian seperti buah-buahan, tanaman kontan dan sayur-sayuran dengan memaksimumkan penggunaan tanah di kawasan kebun mereka yang sedia ada.

Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program bagi meningkatkan pengeluaran makanan serta ekonomi dalam negeri ini melalui tiga program berikut:

- i. Tanaman selingan
- ii. Pembangunan kebun secara integrasi
- iii. Pembangunan kawasan baru melalui pendekatan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

Objektif program meningkatkan pengeluaran tanaman makanan bagi meningkatkan ekonomi dalam negeri seperti berikut ;

- i) Meningkatkan kuantiti pengeluaran bahan makanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan serta rempah ratus dan seterusnya membendung kenaikan harga di pasaran tempatan.
- ii) Menggunakan tanah secara optimum melalui aktiviti seperti tanaman selingan dan kebun integrasi di kawasan tanam semula kelapa sawit, getah, kelapa dan dusun.
- iii) Mewujudkan kawasan baru pengeluaran tanaman makanan di kawasan sedia ada dan pembukaan tanah baru di kawasan tanah tinggi yang bebas daripada risiko banjir.

Selain itu, pembangunan Mikro Berfaedah merupakan salah satu teknologi yang penting dalam mengurangkan penggunaan baja dan racun kimia dalam aktiviti pertanian, sekaligus dapat memelihara alam sekitar. Dimana penggunaan Mikrob Berfaedah ini selalunya diamalkan di kebun integrasi yang menggabungkan aktiviti tanaman, ternakan dan akuakultur yang dijalankan di dalam satu kebun.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

Setiap tahun kerajaan negeri menyediakan peruntukan kepada usahawan tani terlibat dalam aktiviti pertanian terutama dimiliki golongan muda untuk menjadi mentor kepada mereka yang baru menceburkan diri dalam bidang tersebut. Diharapkan kaedah mentor itu mampu membantu dan membimbing mereka yang kurang berpengalaman dalam bidang pertanian. Golongan muda terutamanya diharap mengambil kesempatan menjadikan pertanian sebagai kerjaya daripada dasar kerajaan negeri yang membangunkan bidang pertanian.

Setiap negara mempunyai agenda pembangunan sosio ekonomi untuk rakyatnya. Begitu juga Malaysia. Pelbagai strategi jangka pendek dan panjang turut dirancang. Salah satu daripada strategi jangka panjang kerajaan ialah pembangunan lima wilayah koridor ekonomi iaitu di Johor (Iskandar Malaysia); Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan utara Perak (NCER); Terengganu, Pahang, Kelantan dan Mersing, Johor (ECER); Sabah (SDC) dan Sarawak (SCORE).

Dua strategi diguna pakai untuk membangunkan kelima-lima wilayah ini. Pertama, menarik pelabur asing dan kedua penumpuan kepada pelabur tempatan. Setiap satu wilayah koridor tertumpu kepada sektor-sektor yang menjadi keutamaan bergantung pada keunikan koridor tersebut.

Sasaran utama di Iskandar Malaysia (Negeri Johor) ialah pelabur-pelabur luar untuk pembangunan sektor kewangan, perkhidmatan dan pelancongan / agrotourism. NCER pula lebih kepada sektor pertanian, ECER dan SCORE tertumpu kepada sektor gas dan petroleum manakala SDC melibatkan sektor perkilangan, logistik dan juga pertanian.

Namun, persamaan kelima-limanya ialah untuk memajukan sektor perkhidmatan negara terutamanya melibatkan pelancongan / agrotourism. Inilah sebenarnya kekuatan negara yang perlu dilihat secara teliti. Selaras itu, kerajaan mengumumkan pelbagai inisiatif dan insentif untuk membangunkan sektor perkhidmatan pelancongan.

Bagi sektor pelancongan / agrotourism, kerajaan memperuntukkan pelbagai program seperti menarik warga United Kingdom, Jepun, Republik Korea, Asia Barat, India, dan China menyertai program Malaysia My Second Home (MM2H). Selain itu, prasarana untuk program *homestay* dan agrotourism / ecopelancongan dipertingkatkan, mempergiatkan usaha promosi dan iklan pelancongan menerusi Internet, memperbanyakkan produk pelancongan dan mengecualikan cukai pendapatan daripada 50 peratus nilai peningkatan pendapatan eksport kepada 100 peratus bagi penyelia perkhidmatan jagaan kesihatan.

Paling penting, kerajaan mengumumkan kesemua barisan depan di sektor pelancongan / agrotourism akan diambil alih oleh rakyat Malaysia sendiri berbanding pekerja asing. Bermakna, rezeki di sektor pelancongan / agrotourism selepas ini seharusnya dinikmati oleh rakyat tempatan bukannya dikuasai rakyat asing.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

Peluang-peluang yang terbuka luas dalam sektor pelancongan / agrotourism seharusnya direbut oleh pemain-pemain industri dan penduduk di Negeri Johor.

Johor mempunyai pelbagai produk pelancongan / agrotourism yang boleh dimajukan ke peringkat rangkaian ekonomi yang bernilai tinggi. Sektor pelancongan sahaja boleh menjana peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dan melahirkan golongan usahawan pelancongan rakyat tempatan.

Oleh itu, setiap wilayah koridor ekonomi mestilah menjadi peneraju sektor pelancongan dan melaksanakan dasar-dasar pelancongan yang memberi kebaikan kepada penduduk di wilayah tersebut. Di atas kertas, memanglah nampak begitu mudah untuk melaksanakan dasar-dasar ekonomi di setiap wilayah koridor, namun terdapat beberapa aspek yang perlu diteliti secara mendalam. Pertama, permasalahan birokrasi yang boleh membantutkan usaha merencanakan ekonomi setiap wilayah koridor ekonomi.

Karena birokrasi mestilah ditangani sebaik mungkin agar segala perancangan dan pelaksanaan ekonomi dapat dijalankan mengikut jadual. Selain itu, kerjasama antara syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai peneraju wilayah koridor ekonomi dengan kerajaan-kerajaan negeri mestilah diperkukuhkan. Ini kerana setiap projek untuk kesejahteraan rakyat hendaklah sentiasa disokong oleh kerajaan negeri bagi memastikan kelancaran setiap program yang bakal dan sedang dilaksanakan. Bahkan, dasar-dasar yang komprehensif tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa dokongan dan sokongan kerajaan negeri.

Di samping itu, setiap hasil daripada projek yang dilaksanakan mestilah dipulangkan kembali kepada rakyat tempatan. Dengan kata lain, setiap projek yang akan dilaksanakan haruslah diberi keutamaan untuk penduduk-penduduk tempatan yang tinggal di wilayah koridor tersebut. Di sinilah perlunya kerjasama kukuh.

Bermula di peringkat paling bawah hinggalah peringkat tertinggi agar tidak seorang pun terpinggir. Kejayaan pembangunan wilayah koridor ekonomi yang mapan bukannya hanya setakat mempertingkatkan ekonomi dan pendapatan penduduk tetapi juga harus menitikberatkan kualiti dan kelestarian hidup untuk kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)
SOALAN 35 (A1)**

Apakah perancangan kerajaan bagi membantu golongan belia dalam keusahawanan di kalangan generasi ke dua FELDA yang kekurangan modal.

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR B AGHARIB BIN ALI

FELDA di peringkat Ibu Pejabat telah mengadakan program Latihan Inkubator dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia, Serdang iaitu kekerapan latihan 2 hingga 3 kali setahun untuk memantapkan kemahiran keusahawanan warga FELDA. Pemilihan peserta adalah mengikut kuota seperti yang diminta oleh Ibu Pejabat. Latihan Inkubator ini adalah sepenuhnya ditanggung oleh FELDA.

Kerajaan melalui FELDA juga menggalakkan Generasi kedua FELDA yang menjalankan perniagaan atau perusahaan menyertai pameran dan karnival dalam dan luar FELDA antaranya Pameran sambutan Hari Peneroka, pameran hari Pusanita, dan jualan hari raya sebagai tempat mempromosikan produk yang dihasilkan.

Bagi pihak Kerajaan Negeri, Perancangan FELDA untuk membantu usahawan-usahawan muda di bawah FELDA antaranya ialah Jabatan Pembangunan Usahawan memperuntukkan bajet setahun RM20, 000.00 (Dua Puluh Ribu Ringgit) untuk Unit Pembangunan Usahawan FELDA Wilayah Segamat mengadakan kursus dan latihan untuk usahawan-usahawan generasi baru.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 15 OGOS 2018**

**YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 36 (A189)**

Apakah status pembinaan makmal komputer di SMK Dato' Penggawa Barat Pontian yang mula dibina pada 4 Oktober 2012 namun sehingga kini tidak siap (terbengkalai).

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Status pembinaan makmal komputer di SMK Dato' Penggawa Barat Pontian yang terbengkalai adalah disebabkan kegagalan dua (2) kontraktor iaitu kontraktor asal dan kontraktor penyiap untuk menyiapkan projek ini. Walau bagaimanapun, Kementerian ini dalam proses pelantikan kontraktor penyiap kedua yang telah ditutup tender pada 20 April 2018 yang dilaksanakan secara tender terhad. Namun begitu, rentetan dari surat arahan Kementerian Kewangan pada 29 Jun 2018 mengenai Penambahbaikan Tadbir Urus dan Pelaksanaan Perolehan Kerajaan, Kementerian ini dalam proses untuk melaksanakan tender semula secara tender terbuka.